

## Sikap ahli Parlimen punca lewat bayar elaun

**KUALA LUMPUR 16 Jan.** - Kelewatan pembayaran elaun persidangan ahli Parlimen untuk November dan Disember tahun lalu berjumlah RM1.2 juta berlaku kerana sikap wakil-wakil rakyat berkenaan yang lambat mengemukakan tuntutan.

Bahagian Komunikasi Korporat Parlimen dalam satu kenyataan menjelaskan, pihak penguurusan telah meminta semua ahli Parlimen mengemukakan tuntutan pada tahun semasa namun sehingga ke hari ini saranan itu

masih tidak dipatuhi.

Kata kenyataan itu, berikutan kelewatan tersebut, tuntutan terpaksa dibayar menggunakan peruntukan tahun semasa setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.

“Semakan pentadbiran Parlimen mendapati semua tuntutan termasuk elaun persidangan bagi ahli Parlimen untuk Oktober 2017 telah pun dibayar.

“Bagi November dan Disember 2017, terdapat 299 tuntutan daripada ahli Parlimen diterima.

Bagaimanapun, pihak Parlimen terpaksa mendahulukan pembayaran ke atas tuntutan-tuntutan 2015 dan 2016 yang dikemukakan ahli Parlimen berjumlah RM1.33 juta.

“Oleh kerana tuntutan tersebut lewat dikemukakan kepada pihak Parlimen, akibatnya ada urusan-urusan pada 2017 terutamanya elaun persidangan pada November dan Disember berjumlah RM1.2 juta terpaksa ditangguhkan pembayarannya ke tahun ini,” kata kenyataan itu.